

Syarat & Peraturan Penebusan

Penganjur, Kelayakan & Tempoh

1. PROGRAM PENEBUSAN FLASK JUARA MILO EDISITERHAD 2017 ["Penebusan"] dianjurkan oleh Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] ["Penganjur"].
2. Penebusan ini ialah promosi ganjaran kesetiaan dan dibuka kepada semua penduduk Malaysia berumur **18 tahun dan ke atas** pada 01/07/2017 dan mempunyai dokumen pengenalan yang sah [setiap seorang dan secara kolektif "Peserta"]. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
3. Penebusan sah dari 01/07/2017 hingga 30/09/2017 ["Tempoh Penebusan"] atau sementara stok FLASK JUARA MILO EDISI TERHAD masih ada. Penganjur berhak untuk mengangut dan/atau menangguhkan Tempoh Penebusan dan/atau membatalkan/menamatkan Penebusan dan/atau menukar, meminda, mengugurkan dan/atau menambah Syarat & Peraturan Penebusan pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu.

Cara Penebusan

1. Bagi pembelian setiap produk MILO yang turut serta, anda layak menyertai Penebusan. Sila rujuk Bukti Pembelian & Jadual Mata yang ditunjukkan pada Borang Penebusan ["Borang"] untuk senarai produk MILO yang turut serta, bukti pembelian ["BP"] yang diperlukan dan mata ["Mata"] yang layak diperolehi bagi pembelian setiap produk MILO yang turut serta.
Sebagai contoh:
Untuk penyertaan dengan satu pek pembungkusan penuh MILO Activ-Go 2kg, Peserta akan layak mendapat 10 Mata.
2. Semua Peserta boleh menebus Mata yang terkumpul sepanjang Tempoh Penebusan. Sila rujuk kepada empat [4] rekaan berlainan FLASK JUARA MILO EDISI TERHAD ["Flask"] yang terdapat pada tarikh yang dinyatakan dan bilangan Mata yang diperlukan untuk Penebusan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Borang. Penebusan Flask mesti dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam Borang. Tempahan Flask secara lebih awal tidak dibenarkan.
3. Anda hanya boleh menebus dua [2] Flask dengan setiap Borang. Borang untuk Penebusan lebih daripada dua [2] Flask akan dibatalkan. Setiap Peserta layak menyerahkan lebih daripada satu [1] Borang. Salinan fotostat Borang diterima.
4. Setiap Borang yang diserahkan mesti diisi dengan butir-butir lengkap yang diperlukan dan mesti disertakan dengan BP yang dikehendaki dan bersamaan Mata yang mencukupi. Mata yang terkumpul sepanjang Tempoh Penebusan tidak boleh ditukar kepada orang lain dan tidak boleh ditukar dengan tunai secara sebahagian atau sepenuhnya. Mata berlebihan yang dikemukakan tidak akan dikembalikan. Borang yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca, tidak tepat, disertakan dengan BP/Mata tidak betul dan/atau cacat/rosak akan dibatalkan.
5. Semua Borang mesti dihantar ke alamat yang dinyatakan melalui pos, penghantar surat, perkhidmatan kurier atau Pos Laju, atas risiko Peserta sendiri. Bukti pos Borang tidak bermakna bukti penerimaan Penganjur. Borang Penebusan yang diterima selepas 30/09/2017 tidak akan dilayan.
6. Flask akan dihantar ke alamat kiriman yang diberikan oleh Peserta dalam tempoh 6 – 8 minggu selepas tarikh tutup 30/09/2017. Penganjur akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk menghantar Flask tetapi Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya kiriman tidak diterima, lambat diterima atau Flask yang diterima oleh Peserta rosak. Semua Flask yang tidak dituntut akan dibatalkan.
7. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengutarakan dan/atau membekalkan Flask dan terma dan syarat yang dikenakan untuk Flask, jika ada.
8. Sekiranya terdapat kecacatan pembuatan, Peserta mesti memulangkan Flask tersebut kepada Penganjur dengan kos yang ditanggung sendiri, tanpa kerosakan dan dalam pembungkusan asal untuk mendapatkan gantian dalam masa 2 minggu selepas menerima Flask.
9. Penganjur berhak atas budi bicara mutlak untuk menggantikan mana-mana Flask yang ditunjukkan dalam Borang dengan Flask lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua Flask ditebus dalam "keadaan sedia ada" dan tidak boleh ditukar dengan kredit, barangan lain atau baucar secara sebahagian atau sepenuhnya.

Liabiliti & Tanggungjawab

1. Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk Penebusan dan untuk menebus Flask adalah tanggungjawab Peserta sepenuhnya.
 2. Peserta hendaklah bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan [termasuk kehilangan nyawa] akibat mengambil bahagian dalam Penebusan dan/atau menggunakan Flask dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur daripada sebarang liabiliti.
- ### Hak Penganjur
1. Dengan turut serta, semua Peserta bersetuju dan memperakui bahawa semua hak milik intelektual padanya menjadi milik Penganjur dan setiap Peserta membolehkan Penganjur mengumpul, menggunakan, memproses dan/atau mendedahkan mana-mana dan semua maklumat peribadi Peserta termasuk tanpa terhad kepada nama, gambar atau imej Peserta untuk tujuan Penebusan, termasuk aktiviti pengiklanan, publisiti, pemasaran dan Penebusan yang dijalankan dengan cara yang dianggap sesuai oleh Penganjur, dalam mana-mana media dan tanpa pampasan, pemberitahuan atau

1. kebenaran tambahan, dan sebarang aktiviti sampingan lain yang berkaitan dengan Penebusan. Peserta tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan lain untuk bahan tersebut.
2. Penganjur berhak menggunakan budi bicara mutlak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki mengubah proses penyerahan Penebusan atau pengendalian Penebusan dan Penganjur berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana individu yang dipercayai melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang menjejaskan Penebusan.

Notis Privasi

1. Dengan menyertai Penebusan, anda telah bersetuju Nestlé Products Sdn. Bhd. dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965 ("Kumpulan Nestlé Malaysia") dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan pemiagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami ("Pihak-Pihak Ketiga Lantikan") (secara kolektif "Penganjur" atau "kami") untuk memproses maklumat peribadi anda yang dikemukakan dalam borang penyertaan bagi tujuan Penebusan. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menubuhkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
2. Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan menghubungkan dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan Penebusan mengenai produk kami, perkhidmatan, apa-apa Penebusan, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda pada borang sekiranya anda bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi anda bagi tujuan ini.
3. Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.
4. Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada memproses maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.
5. Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.
6. Pihak Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.
7. Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami. Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, Tingkat 22, Menara Surian, No. 1, Jalan PU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor.
Atau Borang Web : <https://www.nestle.com.my/contactus>. Atau Hubungi kami : 1-800-88-3433.
8. Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam Penebusan, dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.
9. Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy. Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa.

Terma & Syarat

1. Gambar Flask yang ditunjukkan dalam Borang adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada barangan sebenar.
2. Syarat dan Peraturan Penebusan disediakan dalam beberapa bahasa. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara mana-mana versi Syarat dan Peraturan Penebusan, versi Bahasa Inggeris yang dipaparkan di laman web Penganjur hendaklah diguna pakai.
3. Syarat dan Peraturan Penebusan dan kaedah penyertaan Penebusan boleh dipinda dari masa ke masa dan akan diguna pakai berbanding sebarang peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan Penebusan atau pengiklanan lain bagi Penebusan. Peserta amat dinasihatkan supaya melayari laman web Penganjur dari masa ke masa untuk memastikan mereka menyedari sebarang perkembangan dan perubahan yang dibuat.
4. Keputusan pengadil adalah muktamad dan tiada surat-menyurat akan dilayan selepas itu.
5. Dengan menyertai Penebusan ni, Peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada Syarat dan Peraturan, serta keputusan Penganjur.

Syarat & Peraturan Penebusan Segera

Penganjur, Kelayakan & Tempoh

1. PROGRAM PENEBUSAN FLASK JUARA MILO EDISI TERHAD 2017 - PENEBUSAN SEGERA ["Penebusan Segera"] dianjurkan oleh Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] ["Penganjur"].
2. Penebusan Segera ini ialah promosi ganjaran kesetiaan dan dibuka kepada semua penduduk Malaysia berumur **18 tahun dan ke atas** pada 01/07/2017 dan mempunyai dokumen pengenalan yang sah [setiap seorang dan secara kolektif "Peserta"]. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
3. Penebusan Segera akan diadakan pada hari terlyphil dari 07/07/2017 to 01/10/2017 ["Tempoh Penebusan Segera"]. Penganjur berhak untuk mengangut dan/atau menangguhkan Tempoh Penebusan Segera dan/atau membatalkan/menamatkan Penebusan Segera dan/atau menukar, meminda, mengugurkan dan/atau menambah Syarat & Peraturan Penebusan Segera pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu.
4. Penganjur akan menubuhkan Pusat Penebusan Segera ["PPS"] di gedung jualan terlyphil hanya untuk Peserta menebus FLASK JUARA MILO EDISI TERHAD ["Flask"] dengan segera. Sila rujuk Jadual PPS yang dipaparkan di laman web Penganjur: www.milo.com.my untuk tarikh Penebusan Segera dan lokasi PPS.

Cara Penebusan Segera

1. Bagi pembelian setiap produk MILO yang turut serta, anda layak menyertai Penebusan Segera. Sila rujuk Bukti Pembelian & Jadual Mata yang ditunjukkan pada Borang Penebusan Segera ["Borang"] untuk senarai produk MILO yang turut serta, bukti pembelian ["BP"] yang diperlukan dan mata ["Mata"] yang layak diperolehi bagi pembelian setiap produk MILO yang turut serta.
Sebagai contoh:
Untuk penyertaan dengan satu pek pembungkusan penuh MILO Activ-Go 2kg, Peserta akan layak mendapat 10 Mata.
2. Anda juga boleh membeli produk MILO yang turut serta kecuali tin minuman MILO 240ml Sukan SEA 2017 (Original), MILO Nutri Up 225ml dan MILO Kaw Activ-Go 500g yang tidak layak) dari gedung lokasi PPS pada hari yang sama. Serahkan resit pembelian dari gedung lokasi PPS bertarih hari yang sama, bersamaan Mata yang mencukupi, sebagai bukti pembelian ["PPS BP"] dengan Borang yang diisi lengkap untuk menebus maksimum dua [2] Flask. Jika anda ingin menebus lebih daripada satu [1] Borang, pastikan resit pembelian ditinggalkan dengan Mata yang mencukupi untuk setiap Borang yang anda serahkan. Untuk pengesahan pembelian, anda mesti menunjukkan produk MILO yang dibeli kepada kakitangan PPS di kaunter PPS semasa Penebusan Segera. Semua produk MILO anda akan ditampal dengan pelekat khas sebagai bukti penerimaan.
3. Sila rujuk empat [4] rekaan Flask berlainan yang terdapat pada tarikh yang dinyatakan dan bilangan Mata yang dikehendaki untuk Penebusan Segera seperti yang ditunjukkan pada Borang. Penganjur akan menetapkan dan memaparkan jumlah Flask yang boleh didapati untuk Penebusan Segera setiap hari di setiap PPS dan Penebusan Segera adalah sementara stok Flask masih ada sahaja.
4. Anda hanya boleh menebus dua [2] Flask dengan setiap Borang. Borang untuk Penebusan Segera lebih daripada dua [2] Flask akan dibatalkan. Setiap peserta layak menyerahkan dan menebus satu [1] Borang pada mana-mana satu [1] masa tertentu. Peserta perlu beratur sekali lagi jika mahu menyerahkan Borang seterusnya untuk Penebusan Segera.
5. Setiap Borang yang diserahkan mesti lengkap dengan butir-butir yang dikehendaki dan mesti disertakan dengan BP dan/atau PPS BP yang dikehendaki, bersamaan Mata yang mencukupi. Salinan fotostat Borang diterima. Mata yang terkumpul sepanjang Tempoh Penebusan Segera tidak boleh dipindahkan dan tidak boleh ditukar dengan tunai secara sebahagian atau sepenuhnya. Mata berlebihan dan PPS BP yang diserahkan tidak akan dipulangkan. Borang yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca, tidak tepat, dengan BP/PPS BP/Mata tidak betul dan/atau cacat/rosak akan dibatalkan.
6. Semua Peserta mesti memastikan Flask yang ditebus adalah dalam keadaan baik semasa membuat Penebusan Segera. Semua Flask yang ditebus di PPS tidak akan digantikan setelah Penebusan Segera disempurnakan.
7. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengutarakan dan/atau membekalkan Flask dan terma dan syarat yang dikenakan untuk Flask, jika ada.
8. Penganjur berhak atas budi bicara mutlak untuk menggantikan mana-mana Flask yang ditunjukkan dalam Borang dengan Flask lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua Flask ditebus dalam "keadaan sedia ada" dan tidak boleh ditukar dengan kredit, barangan lain atau baucar secara sebahagian atau sepenuhnya.

Liabiliti & Tanggungjawab

1. Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk Penebusan Segera dan untuk menebus Flask adalah tanggungjawab Peserta sepenuhnya.
2. Peserta hendaklah bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan [termasuk kehilangan nyawa] akibat mengambil bahagian dalam Penebusan Segera dan/atau menggunakan Flask dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur daripada sebarang liabiliti.

Hak Penganjur

1. Dengan turut serta, semua Peserta bersetuju dan memperakui bahawa semua hak milik intelektual padanya menjadi milik Penganjur dan setiap Peserta membolehkan Penganjur mengumpul, menggunakan, memproses dan/atau mendedahkan mana-mana dan semua maklumat peribadi Peserta termasuk tanpa terhad kepada nama, gambar atau

1. imej Peserta untuk tujuan Penebusan Segera, termasuk aktiviti pengiklanan, publisiti, pemasaran dan promosi yang dijalankan dengan cara yang dianggap sesuai oleh Penganjur, dalam mana-mana media dan tanpa pampasan, pemberitahuan atau kebenaran tambahan, dan sebarang aktiviti sampingan lain yang berkaitan dengan Penebusan Segera. Peserta tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan lain untuk bahan tersebut.
2. Penganjur berhak menggunakan budi bicara mutlak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki mengubah proses penyerahan Penebusan Segera atau pengendalian Penebusan Segera dan Penganjur berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana individu yang dipercayai melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang menjejaskan Penebusan Segera.

Notis Privasi

1. Dengan menyertai Penebusan Segera, anda telah bersetuju Nestlé Products Sdn. Bhd. dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965 ("Kumpulan Nestlé Malaysia") dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan pemiagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami ("Pihak-Pihak Ketiga Lantikan") (secara kolektif "Penganjur" atau "kami") untuk memproses maklumat peribadi anda yang dikemukakan dalam borang penyertaan bagi tujuan Penebusan Segera. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menubuhkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
2. Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan menghubungkan dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan Penebusan Segera mengenai produk kami, perkhidmatan, apa-apa Penebusan Segera, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda pada borang sekiranya anda bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi anda bagi tujuan ini.
3. Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.
4. Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada memproses maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.
5. Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.
6. Pihak Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.
7. Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami. Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, Tingkat 22, Menara Surian, No. 1, Jalan PU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor. Atau Borang Web : <https://www.nestle.com.my/contactus>. Atau Hubungi kami : 1-800-88-3433.
8. Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam Penebusan Segera, dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.
9. Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy. Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa.

Terma & Syarat

1. Gambar Flask yang ditunjukkan dalam Borang adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada barangan sebenar.
2. Syarat dan Peraturan Penebusan Segera disediakan dalam beberapa bahasa. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara mana-mana versi Syarat dan Peraturan Penebusan Segera, versi Bahasa Inggeris yang dipaparkan di laman web Penganjur hendaklah diguna pakai.
3. Syarat dan Peraturan Penebusan Segera dan kaedah penyertaan Penebusan Segera boleh dipinda dari masa ke masa dan akan diguna pakai berbanding sebarang peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi atau pengiklanan lain bagi Penebusan Segera. Peserta amat dinasihatkan supaya melayari laman web Penganjur dari masa ke masa untuk memastikan mereka menyedari sebarang perkembangan dan perubahan yang dibuat.
4. Keputusan pengadil adalah muktamad dan tiada surat-menyurat akan dilayan selepas itu.
5. Dengan menyertai Penebusan Segera ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada Syarat dan Peraturan, serta keputusan Penganjur.